

Jumaat, Jul 26 2019



Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 di Sasana Kijang. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KUALA LUMPUR, 23 JULAI -Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, hari ini melancarkan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023.

Strategi itu dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (FENetwork), satu kumpulan yang terdiri daripada beberapa agensi yang diterajui bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bersama-sama anggota pengasas termasuk Kementerian Pendidikan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Permodalan Nasional Bhd (PNB).

Perdana Menteri berkata, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan itu penting untuk membangunkan masyarakat yang mampu membuat keputusan kewangan yang bijak supaya bebas daripada tekanan salah laku atau kesilapan urusan kewangan.

Beliau berkata, literasi kewangan juga penting supaya individu dapat mempertahankan diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan.

"Saya ucap syabas kepada ahli Jaringan Pendidikan Kewangan, yang terdiri daripada Kementerian Pendidikan, BNM, SC, KWSP, PIDM, PNB serta AKPK.

"Saya harap lebih banyak institusi dan agensi lain akan turut terbabit bagi menyampaikan mesej pendidikan kewangan secara lebih meluas ke setiap lapisan masyarakat sehingga tahap literasi kewangan

rakyat dapat dipertingkatkan," katanya pada pelancaran strategi itu di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri Sumber Manusia, M Kula Segaran; Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus; dan Pengerusi SC, Datuk Syed Zaid Albar.

Sementara itu, Guan Eng berkata, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 dijangka memerlukan perbelanjaan RM1.87 juta.

Beliau berkata, perbelanjaan itu dibiayai oleh ahli FENetwork sepanjang tempoh strategi kebangsaan itu dilaksanakan.

Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 itu menetapkan keutamaan dan pelan tindakan bagi menyediakan rakyat Malaysia dengan pengetahuan supaya mereka mampu membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan memupuk sikap yang berhemat dalam pengurusan kewangan.

FENetwork komited untuk bekerjasama dengan individu dan organisasi merentas sektor awam, swasta dan bukan swasta bagi melaksanakan langkah strategi kebangsaan yang inklusif dan mampan.

Usaha itu akan memberi tumpuan pada aspek memperkasa individu supaya mereka dapat mengurus wang secara bijak, merancang dan melabur untuk masa depan dan melindungi diri daripada penipuan dan salah guna kewangan.

Keutamaan yang dikenalpasti di bawah strategi kewangan itu ialah memupuk nilai murni daripada usia muda; meningkatkan akses kepada maklumat; instrumen dan sumber pengurusan kewangan; memupuk sikap positif dalam kalangan kumpulan sasaran; mendorong ke arah perancangan kewangan; dan persaraan jangka panjang dan mengumpul serta melindungi harta.

FENetwork dipimpin oleh Khadijah Abdullah yang dilantik sejak 1 Julai 2019 sebagai Pengarah Unit Penggalakkan dan Kemajuan Strategi Kebangsaan untuk memacu dan menerajui pelaksanaan dan penyampaian mandat yang berkesan